

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Produk Inovatif ciptaan usahawan desa	KOSMO

KERATAN AKHBAR
KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 27 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

KOMBINASI pelbagai jenis dan warna manik perlu diikat pada dawai lembut untuk digubah menjadi bunga.

PENGUNAAN dawai lembut sebagai rangka bunga manik menjadikan ia lebih mudah dilentur dan dibentuk.



SUHANA (tengah) bersama dua orang suri rumah dari Felcra Sungai Layau, Kota Tinggi, Johor menunjukkan demonstrasi membuat bunga manik.



Produk inovatif ciptaan usahawan desa

Produk kampung berpotensi besar untuk menembusi pasaran antarabangsa, sekali gus mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap produk keluaran usahawan desa.



SITI HAJAR

SEBAIK menjejakan kaki di ruang legar dan kawasan sekitar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, Siti Hajar Jahuri, 47, suami dan dua orang anaknya masing-masing berumur 14 serta 15 tahun seakan-akan terpegun seketika.

Ini kerana kehadiran mereka pada pukul 1 petang hari Sabtu itu disambut dengan lautan manusia di kawasan tersebut.

Saat menyelusuri deretan gerai jualan dan pameran pada Karnival Usahawan Desa (KUD) 2017, ibu kepada empat orang anak itu tidak melepaskan peluang untuk mengunjungi beberapa gerai yang menarik minatnya.

"Saya baru pertama kali mengunjungi KUD dan gembira kerana ia diadakan di dalam sebuah ruang tertutup. Kami teruja melihat pelbagai barangan yang tidak terdapat di tempat lain, dikumpulkan di bawah satu bumbung."

"Ini merupakan cara terbaik untuk kami meluangkan masa bersama anak-anak sebelum menghantar mereka balik ke asrama," ujarnya ketika ditemui *Kosmo!* di PWTC baru-baru ini.

Seperti pengunjung lain, anak kelahiran Sepang,



JUNAIDAH menunjukkan coklat kacang soya Missla yang boleh didapati dalam saiz tujuh dan 35 gram.

Selangor itu banyak berbelanja untuk membeli makanan kerana dia cukup tertarik dengan keunikan sajian dari daerah-daerah kecil di Malaysia yang jarang didengari sebelum ini.

"Saya juga tidak melepaskan peluang untuk makan di tingkat empat yang merupakan DesaMall@KKLW."

"Ia umpama pusat sehati yang menempatkan ruang makan dan gerai jualan produk usahawan desa," kongsi wanita yang kini menetap di Shah Alam, Selangor itu.

DesaMall@KKLW merupakan terjemahan

fizikal kepada pusat beli-belah maya Desa Mall Online yang diperkenalkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

DesaMall@Online mengumpulkan produk jualan usahawan daripada semua agensi KKLW seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara), Lembaga Penyatutan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora).

Bertemakan Usahawan Desa Produk Global, KUD 2017 merupakan penganjuran acara dwitahunan buat kali ketujuh sejak ia diperkenalkan pada tahun 2005.

Sebanyak 721 gerai jualan dan pameran mengambil bahagian pada karnival selama empat hari yang berlangsung dari 19 hingga 22 Oktober itu.

Ia merangkumi penyertaan 680 gerai usahawan, 30 agensi kerajaan dan swasta serta 11 agensi di bawah kementerian.

Bunga manik

Sementara itu, seorang usahawan yang ditemui, **Suhana Mohd. Safian**, 38, yang mengusahakan produk kraf tangan bunga manik memberitahu, perkenalannya dengan wakil Felcra pada tahun lalu telah membuka ruang untuk melebarkan perniagaan di bawah jenama D'Manizz Craft.

"Pada mulanya, saya hanya menjual manik di daerah Kluang, Johor selama lima tahun, namun perniagaan itu tidak menguntungkan."

"Kebetulan, adik saya bakal melangsungkan perkahwinan dan saya terus menawarkan diri untuk mengubah bunga manik bagi dijadikan bunga pahar."

"Permintaan gubahan yang diterima sejak itu



KERATAN AKHBAR

KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 31

TARIKH : 27 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

4 mendorong saya mengambil keputusan untuk menjalankan perusahaan ini secara sepenuh masa," kata ibu kepada tiga orang anak perempuan berumur 14, 10 dan tiga tahun itu.

Selepas dilamar untuk bernaung di bawah perusahaan milik Felcra iaitu Wadira Sungai Layau Enterprise di Kampung Orang Asli Sungai Layau, Kota Tinggi, Johor, Suhana turut mengajak suri rumah di kampung itu untuk bersama-sama mengubah bunga manik bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah.

Pen sugi

"Sebagai langkah promosi, kami banyak menyertai pameran keusahawanan seumpama ini agar orang ramai mendapat maklumat tentangnya," katanya yang kini telah menghasilkan sebanyak 10 jenis bunga manik.

Selain itu, terdapat juga produk inovasi yang berjaya mencuri tumpuan seperti pen sugiMyGiC yang dikeluarkan oleh syarikat Muhibbah Sinergia Resources.

Menurut **Pengasas dan Pengerusi Eksekutifnya, Noor Arjuna Abd. Ghani**, produk berasaskan sunah itu merupakan inovasi di bawah **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)** sejak tahun 2012.

"Kami mengambil masa selama hampir lima tahun untuk membangunkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pen sugi ini sebelum ia dilancarkan secara rasmi pada bulan Julai



PEN sugi MyGiC ciptaan Noor Arjuna telah memenangi Anugerah Inovasi Negara 2017, sekali gus mengalahkan 188 produk yang lain.

baru-baru ini.

"Kesemua komponen seperti rekaan, pembuatan dan pemasaran dilakukan sendiri menggunakan produk dan kepakaran tempatan kecuali kayu sugi iaitu akar pokok arak atau nama saintifiknya *Salvadora persica* yang diimport dari Pakistan," katanya sambil menerangkan demonstrasi penggunaan yang dilakukan oleh salah seorang pekerjanya.

Pelaksanaan amalan sunah itu semakin mudah dilakukan dengan menggunakan pen sugiMyGiC.

Akar kayu sugi yang telah diasah berbentuk silinder sepanjang lebih kurang satu inci (2.54 sentimeter) akan dimasukkan ke dalam batang pen manakala kayu isian semula pula disimpan di dalam kelongsong pen.

Pengguna hanya perlu menggigit sedikit pada bahagian hujung kayu dan menggosoknya secara melawan arah jarum jam membentuk

nombor lapan dengan lembut.

"Kami bersyukur kerana mendapat bantuan latihan dan kemudahan daripada YIM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Institut Piawain dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM Berhad).

Tempe

"Produk ini turut berjaya dipasarkan di Brunei, Singapura, Indonesia dan Sri Lanka," katanya sambil memberitahu, pen sugiMyGiC itu juga telah memenangi Anugerah Inovasi Negara 2017 dengan mengalahkan 188 produk lain baru-baru ini.

Bagi **Junaidah Abdul Moin**, 46, dia melihat idea anak lelaki sulungnya, Nashazrin Shah Zamhari, 24, pada tahun 2013 sebagai potensi untuk memasarkan produk tempe keluarannya.

"Saya menjalankan perusahaan membuat tempe sejak tahun 2006 termasuk mengolaknya menjadi sambal



PENGUNA hanya perlu menggigit kayu sugi yang telah diasah dan menggosok secara lembut pada gigi mengikut arah lawan jam.

tempe dan tempe goreng.

"Anak sulung mencadangkan agar tempe kami dicampurkan dengan coklat supaya ia dapat disasarkan kepada pengguna lebih muda," cerita Junaidah.

Junaidah kemudiannya bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) selama lapan bulan untuk mencipta rasa coklat yang bersesuaian bagi dipadankan dengan rasa tempe.

Didaftarkan di bawah jenama Missla, Junaidah mula memasarkan pek coklat tempe bersaiz tujuh gram (g) dan 35g sejak tahun 2015.

Malah, ia juga sudah memasuki pasaran Dubai dan Brunei apabila usahawan kafe anak tempatan membawa produknya untuk dipasarkan di premis mereka di negara tersebut.

Secara umum, melalui pelaksanaan KUD, besar harapan pihak Kementerian agar produk kampung negara mampu menembusi pasaran antarabangsa, sekali gus mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap produk keluaran usahawan desa.

INFO

Karnival Usahawan Desa 2017

- Dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- Diadakan pada 19 hingga 22 Oktober 2017
- Melibatkan penyertaan 721 gerai merangkumi enam kluster iaitu makanan dan minuman, produk pertanian, gaya hidup, kesihatan dan kecantikan, produk teknologi maklumat dan teknologi maklumat kreatif serta perkhidmatan dan pelancongan
- Melebihi sasaran sejuta orang pengunjung